

20/09/2001

Keadilan bawa budaya samseng: Abdul Taib

Amirullah Andi Nur

MIRI, Rabu - Ketua Menteri, Tan Sri Abdul Taib Mahmud, memberi amaran Sarawak kemungkinan kembali seperti zaman darurat sekitar 1970-an, jika Parti Keadilan Nasional (Keadilan) diberi peluang bertapak di negeri ini.

Beliau berkata, budaya yang dikembangkan parti pembangkang berpangkalan di Semenanjung itu dilihat berpotensi besar untuk mengembalikan zaman yang dipenuhi konfrontasi dan ancaman komunis itu.

"Kita sentiasa mengingatkan rakyat supaya tidak terpengaruh budaya samseng pembangkang ini, kerana kita sedar bagi mencapai tahap keamanan serta kestabilan seperti dinikmati hari ini, bukan kerja mudah.

"Kita terpaksa mengambil masa panjang, termasuk melawan komunis. Hari ini kita dapat kekalkan suasana aman dan stabil, kerana kita sentiasa berusaha melalui cara politik yang baik serta mendapat sokongan rakyat," katanya.

Beliau berucap merasmikan Stadium Tertutup Limbang, dekat sini, petang ini. Stadium baru yang mampu memuatkan kira-kira 2,000 orang itu dibina dengan kos RM70 juta.

Hadir sama, Presiden Parti Kebangsaan Sarawak (Snap), Datuk Amar James Wong Kim Min, Ahli Parlimen Bukit Mas, Henry Sum Agung dan calon BN di Limbang, Richard Wong.

Abdul Taib yang juga Pengerusi BN negeri turut mengingatkan penduduk negeri ini supaya tidak membazir undi dengan memilih calon Bebas di kawasan masing-masing.

Sambil menyifatkan mereka sebagai tidak berwawasan, beliau berkata, BN memerlukan sokongan padu semua lapisan rakyat bagi memastikan ia dapat membentuk sebuah kerajaan yang kukuh.

"Undi yang diberikan rakyat kepada setiap calon BN dapat memastikan kerajaan yang bakal dibentuk sentiasa mempunyai keyakinan tinggi untuk membangunkan negeri ini.

"Ini yang kita harap penduduk Sarawak dapat menyedarinya dan tidak membiarkan calon Bebas mempengaruhi mereka dengan pelbagai janji kosong," katanya.

Abdul Taib turut mengingatkan penduduk betapa sokongan yang diberikan kepada setiap calon BN di kawasan mereka seolah-olah membayangkan sokongan padu kepada kepimpinan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Malah sokongan itu juga memberi gambaran penduduk turut memberi sokongan kepada kepimpinan BN negeri yang diketuai saya sendiri," katanya.

Dalam pada itu, Abdul Taib turut meningatkan semua anggota BN merapatkan barisan serta mengelak sebarang perpecahan bagi memastikan kemenangan besar parti itu.

Katanya, pertelingkahan sesama ahli, termasuk kalangan parti komponen hanya merugikan, sekali gus menjejaskan peluang BN untuk memenangi semua kerusi yang ditandingi.

Terdahulu, ketika menghadiri majlis bersama rakyat di Long Lama, dekat sini, beliau menyerahkan kepada penduduk Telang Usan sendiri untuk membuat keputusan berhubung proses pembangunan di situ.

(END)